

SOALAN LAZIM - PERMOHONAN SECARA ONLINE

SYARAT-SYARAT PINJAMAN

1 Apakah syarat-syarat untuk membolehkan saya membuat permohonan pinjaman?

Pelajar layak memohon pinjaman pendidikan sekiranya memenuhi syarat-syarat berikut:

- a. Pemohon adalah warganegara Malaysia;
- b. Berumur tidak melebihi 45 tahun pada tarikh memohon;
- c. Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan sekurang-kurangnya 3 kepujian dalam mana-mana mata pelajaran;
- d. Lulus SPM bagi pelajar lepasan Sijil Kolej Komuniti dan Diploma Politeknik dengan syarat memperolehi CGPA 3.0 dan ke atas;
- e. Bagi pelajar-pelajar IPTA/IPTS/Politeknik, mereka hendaklah telah mendaftar untuk mengikuti kursus yang telah diluluskan oleh Jabatan Pengurusan IPT (IPTA/IPTS)/Jabatan Pengurusan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi;
- f. Bagi pelajar-pelajar IPTS, kursus yang diikuti mestilah telah mendapat Sijil Perakuan Akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan belum tamat tempoh sah laku semasa permohonan dikemukakan;
- g. Semua pelajar hendaklah mempunyai kelayakan masuk yang disyaratkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi untuk mengikuti kursus berkaitan. Bagi pelajar yang mempunyai kelayakan yang berbeza daripada yang disyaratkan, pengesahan bahawa kelayakan tersebut setaraf dengan kelayakan yang disyaratkan hendaklah diperolehi daripada jabatan atau agensi sebagaimana dinyatakan di perkara (e) di atas;
- h. Baki tempoh pengajian semasa permohonan dibuat tidak kurang dari satu tahun.
- i. Pinjaman pendidikan PTPTN memerlukan dua (2) penjamin yang terdiri daripada ibu dan bapa kandung pemohon sahaja tanpa mengambil kira had umur dan pendapatan penjamin;
- j. * Mulai 1 Januari 2008, pinjaman hanya dipertimbangkan kepada pelajar yang mempunyai akaun simpanan SSPN sekurang-kurangnya RM 3,000.00 bagi ibu bapa yang berpendapatan RM2,000.00 ke atas dan RM500.00 bagi ibu bapa yang berpendapatan kurang dari RM2,000.00;
- k. Tidak mempunyai penaja lain; dan
- l. Jumlah keseluruhan pinjaman yang telah diperolehi pelajar dengan mengambil kira pinjaman yang akan diluluskan hendaklah tidak melebihi RM65,000.00.

2 **KAEDAH PERMOHONAN**

Apakah kaedahnya untuk saya membuat permohonan PTPTN?

Kaedah permohonan pinjaman pendidikan adalah seperti berikut :

- a. Pemohon hendaklah memohon pinjaman PTPTN secara online melalui Laman Web Pinjaman online di alamat <http://epinjaman.ptptn.gov.my>. Akan tetapi, pemohon hanya boleh memohon mengikut tarikh buka dan tutup IPT masing-masing. Pemohon boleh melayari Laman Web PTPTN di alamat <http://www.ptptn.gov.my> untuk mengetahui maklumat tarikh permohonan yang telah ditetapkan untuk IPT masing-masing.
- b. Bagi tujuan melengkapkan permohonan pinjaman PTPTN secara online, pemohon terlebih dahulu perlu mempunyai nombor akaun individu mengikut bank yang telah ditetapkan oleh IPT masing-masing. Namun, terdapat beberapa IPT yang memberi kemudahan pra-pembukaan akaun bank untuk pemohon. Untuk maklumat lanjut berkenaan senarai IPT tersebut, mohon layari Laman Web PTPTN di <http://www.ptptn.gov.my>.
- c. Pemohon boleh menyemak keputusan permohonan pinjaman PTPTN di Laman Web Pinjaman online di <http://epinjaman.ptptn.gov.my> atau melayari Laman Web PTPTN di alamat <http://www.ptptn.gov.my> bermula 3 hari selepas tarikh tutup permohonan online untuk IPT masing-masing.
- d. Pemohon yang berjaya ditawarkan pinjaman PTPTN perlu melayari Laman Web Pinjaman online di alamat <http://epinjaman.ptptn.gov.my> dan mencetak dokumen yang disenaraikan.

Untuk cetakan, pastikan komputer anda mempunyai program 'Adobe Acrobat Reader'. Jika tidak, muat turun program tersebut daripada laman web <http://www.adobe.com/products/acrobat/> dan klik pada ikon 'Get ADOBE READER'. Simpan dan 'Install' di komputer anda.

Dokumen-dokumen yang tersenarai dibawah hendaklah dicetak dengan menggunakan **kertas berwarna putih yang bersaiz A4 (80 gsm) dengan menggunakan satu muka kertas untuk setiap satu (cetakan tidak dilakukan pada muka depan dan belakang di helaian yang sama). Dakwat cetakan hendaklah berwarna hitam.]**

- (i) 1 set (cetakan komputer) dan 1 set salinan (fotostat) **Surat Tawaran Pinjaman (beserta Surat Akuan Penerimaan, Surat Kebenaran 1, 2, 3, dan 4** dan seterusnya menandatangani dokumen berkenaan**;
- (ii) 1 set (cetakan komputer) dan 1 set salinan (fotostat) dokumen **Perjanjian Pinjaman** dan seterusnya menandatangani dokumen berkenaan**;
- (iii) 1 set (cetakan komputer) dan 1 set salinan (fotostat) **Surat Jaminan Pinjaman** dan seterusnya menandatangani dokumen berkenaan**;
- (iv) 2 keping setem hasil yang bernilai RM10.00 setiap satu**. Bagi setiap Perjanjian Pinjaman Pendidikan yang telah disempurnakan, hendaklah dilekatkan setem berharga RM10.00 di sudut kanan atas pada muka depan setiap set dokumen perjanjian. **(RUJUK LAMPIRAN A).**

Nota**

Setiap satu set adalah untuk **Pemohon dan PTPTN**. Namun, sekiranya pihak Penjamin memerlukan 1 set, Penjamin harus mengemukakan surat rasmi dan dihantar ke alamat seperti dibawah :-

PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL
Lot G2, Tingkat Bawah
Wisma Chase Perdana
Off Jalan Semantan
Damansara Heights
50490 Kuala Lumpur.
U/P: Unit Perjanjian

3 **TAWARAN PINJAMAN**

Apakah syarat-syarat Tawaran Pinjaman PTPTN?

Tawaran Pinjaman PTPTN adalah seperti berikut:-

Tawaran pinjaman pendidikan akan diberikan sekiranya pemohon memenuhi syarat-syarat dan menepati kaedah permohonan pinjaman yang telah ditetapkan.

Tawaran pinjaman kali kedua hanya akan dipertimbangkan sekiranya memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- i) Menepati syarat-syarat dan kaedah permohonan pinjaman;
- ii) Pelajar yang telah mendapat pinjaman pendidikan untuk pengajian terdahulu tetapi gagal menamatkan pengajian atau mendapat penajaan lain boleh memohon pinjaman kedua untuk meneruskan pengajian mereka setelah hutang pinjaman terdahulu diselesaikan;
- iii) Pelajar yang telah mendapat pinjaman pendidikan dan berjaya menamatkan pengajian terdahulu boleh memohon pinjaman untuk meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Permohonan untuk peringkat pengajian yang sama tidak akan dipertimbangkan; dan
- iv) Pertimbangan bagi pinjaman kali kedua tertakluk kepada peruntukan yang mencukupi.

Kelulusan tempoh pinjaman akan ditentukan mengikut semester semasa iaitu ketika permohonan lengkap diterima oleh PTPTN.

Tawaran pinjaman hanya sah dalam tempoh 1 bulan dari tarikh kelulusan. Sekiranya dalam tempoh tersebut, dokumen perjanjian tidak disempurnakan, tawaran pinjaman akan dibatalkan.

Dokumen perjanjian pinjaman hanya akan dianggap lengkap sekiranya dokumen tersebut dimeterai dengan Setem Hasil. Sila pastikan anda menyediakan dua keping Setem Hasil yang bernilai RM10 setiap satu untuk dilekatkan pada dokumen tersebut.

Tawaran pinjaman akan dibatalkan atau ditarik balik sekiranya didapati berlaku kesilapan tawaran atau pemalsuan maklumat.

4 **UMUR PEMOHON**

Berapakah umur minima dan maksima untuk pelajar memohon pinjaman PTPTN?

Pemohon hendaklah berumur sekurang-kurangnya 16 tahun dan tidak melebihi 45 tahun, pada tarikh permohonan.

5 **LOG IN UNTUK PENDAFTARAN**

Apakah maklumat yang diperlukan untuk membolehkan saya mendaftar?

Untuk mendaftar, pemohon haruslah mengisi:-

- i) No Kad Pengenalan Baru ATAU No Kad Pengenalan Polis ATAU No Kad Pengenalan Tentera;
- ii) Kata Laluan pemohon;
- iii) Alamat Emel pemohon;
- iv) No Pin BSN (Bank Simpanan Nasional);
- v) Tarikh (Ketika Pembelian No Pin); dan
- vi) Masa (Ketika Pembelian No Pin)

Mohon maklum bahawa perkara (iv), (v) dan (vi) adalah maklumat yang tercatat pada slip BSN semasa pembelian No Pin dilakukan. No Pin BSN ini hanya sah untuk digunapakai untuk tempoh masa 6 bulan dari tarikh pembelian.

Sekiranya pemohon hilang No Pin BSN (sebelum pendaftaran dilakukan), pemohon harus membeli No Pin BSN yang baru dan ini akan menghapuskiran yang lama. Pemohon kemudiannya boleh mendaftar.

6 **MAKLUMAT BAGI PENGISIAN PINJAMAN ONLINE**

Apakah maklumat atau dokumen yang saya perlukan untuk memudahkan saya mengisi butiran yang diperlukan untuk permohonan pinjaman online PTPTN?

Senarai butiran maklumat yang diperlukan oleh Pemohon, Ibu Bapa / Penjaga / Pasangan / Ibu bapa Kandung (Penjamin) bagi memudahkan pemohon mengisi maklumat yang diperlukan untuk permohonan online adalah:-

Butiran Pemohon:-

- a. Nombor Kad Pengenalan Baru ATAU Nombor Tentera ATAU Nombor Polis;
- b. Alamat Emel;
- c. No Pin BSN (Bank Simpanan Nasional);
- d. Tarikh (Ketika Pembelian No Pin);
- e. Masa (Ketika Pembelian No Pin);
- f. No. Pendaftaran Kecacatan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (jika berkenaan);
- g. No. Akaun SSPN;
- h. Alamat Tetap dan Alamat Surat-Menyurat;
- i. Nombor Telefon Tetap dan Bimbit (sekiranya tiada, isikan nombor telefon yang boleh dihubungi. Contoh: no. telefon saudara mara);
- j. Nama, Alamat, Nombor Telefon, Kod Agensi, Tarikh Mula Bekerja, Tempoh Perkhidmatan, Gaji Kasar, Gaji Bersih, Nombor Cukai Pendapatan, Nombor Ahli KWSP (sekiranya bekerja);
- k. Keputusan Mata Pelajaran SPM / SPMV / STPM / STAM / Matrikulasi / A-Level / Ijazah Sarjana Muda / Sijil / Diploma Politeknik / Diploma / Sijil Kolej Komuniti / Sarjana / Diploma Lajutan / PHD
- l. Nama Institusi;
- m. Nama Kampus;
- n. Jenis Pengajian;
- o. Nama Program / Kursus;
- p. Kod Kursus;

- q. Jurusan;
- r. No Matriks;
- s. Tempoh Kursus;
- t. Tarikh Mula Pengajian;
- u. Tarikh Tamat Pengajian
- v. Nama Bank; dan
- w. Nombor Akaun Bank.

Butiran Ibu / Bapa / Penjaga / Pasangan / Ibu bapa Kandung (Penjamin)

- a. Nombor Kad Pengenalan Baru ATAU Nombor Tentera ATAU Nombor Polis;
- b. Nombor Kad Pengenalan Lama;
- c. Status Pekerjaan;
- d. Alamat Tetap dan Alamat Surat-Menyurat;
- e. Nombor Telefon Tetap dan / atau Bimbit;
- f. Alamat Emel;
- g. Gaji Kasar, Gaji Bersih, Nombor Cukai Pendapatan dan Nombor Ahli KWSP (sekiranya bekerja); dan
- h. Jenis Kediaman

7 ISIAN UNTUK BUTIRAN PENJAGA 1

Maklumat Butiran siapakah yang patut saya isi pada ruangan Butiran Penjaga 1?

Pemohon boleh mengisi maklumat dari salah seorang yang berikut:-

- a) Adik Beradik;
- b) Bapa Angkat;
- c) Bapa Kandung;
- d) Bapa Tiri;
- e) Ibu Angkat;
- f) Ibu Kandung;
- g) Ibu Tiri;
- h) Pasangan Penjaga; ATAU
- i) Penjaga.

Sekiranya pemohon sudah berkahwin, pemohon dimestikan untuk memasukkan maklumat pasangan pemohon pada butiran penjaga 1 (Kosongkan butiran penjaga 2).

8 ISIAN UNTUK BUTIRAN PENJAGA 2

Mengapakah Butiran Penjaga 2 tidak boleh diisi dan bagaimanakah caranya untuk mengisi?

Hanya maklumat untuk Penjaga 1 diperlukan. Sekiranya anda ingin mengisi butiran penjaga 2, sila klik butang SIMPAN kemudian butang "Cancel".

9 ISIAN UNTUK BUTIRAN BAPA / IBU KANDUNG (PENJAMIN)

Maklumat Butiran siapakah yang patut saya isi pada ruangan Butiran Penjamin?

Ibu/bapa kandung **dimestikan** menjadi Penjamin kepada Pemohon.

Pemohon dikecualikan untuk mengisi ruangan ini sekiranya:-

a) Kedua-dua ibu dan bapa sudah meninggal dunia. Untuk ini, pemohon harus memilih butang "MENINGGAL DUNIA". Sekiranya hanya salah seorang telah meninggal dunia, pemohon masih dimestikan untuk meletakkan maklumat ibu / bapa yang masih hidup.

b) Sekiranya pemohon tidak mengenali dan seterusnya tidak mengetahui butiran ibu / bapa kandung, pemohon harus memilih butang status "TIDAK DAPAT DIKESAN".

Untuk yang diatas, pemohon dikehendaki untuk mengisi hanya pada ruangan:-

- i) Nama Ibu / Bapa;

- ii) Hubungan dengan Pemohon; dan
- iii) Status

10 **BUTIRAN PEKERJAAN SEKARANG**

Butiran siapakah yang patut diisi diruangan "Butiran Pekerjaan Sekarang" dan "Majikan Terdahulu"?

Butiran ini adalah butiran Pemohon. Bahagian ini wajib diisi sekiranya pemohon masih bekerja sekarang.

Jika pemohon tidak pernah bekerja, pemohon tidak perlu mengisi apa-apa di ruangan ini dan tekan butang "Seterusnya".

11 **PERBEZAAN GAJI KASAR DAN GAJI BERSIH**

Apakah perbezaan diantara gaji kasar dan gaji bersih?

Gaji kasar adalah gaji yang dibayar oleh pihak majikan termasuk elaun dan kerja lebih masa, sebelum potongan KWSP, SOCSO, cukai, pinjaman dan lain-lain potongan.

Gaji bersih adalah gaji selepas ditolak kesemua di atas.

12 **MAKLUMAT KURSUS**

Bolehkah saya memilih maklumat kursus yang berbeza dengan maklumat kursus yang ditawarkan oleh UPU/Universiti/Kolej?

Tidak. Pemohon hendaklah memilih maklumat kursus yang sama seperti yang ditawarkan di dalam surat tawaran oleh pihak UPU/Universiti/Kolej.

13 **PENERIMAAN DAN STATUS PERMOHONAN**

Setelah selesai mengisi maklumat yang diperlukan dan klik pada butang "Hantar Permohonan", bagaimanakah caranya untuk saya memastikan bahawa permohonan pinjaman saya itu telah diterima dan diproses oleh PTPTN? Juga, bagaimanakah pula caranya untuk saya mengetahui tarikh untuk penyemakan status permohonan saya?

*Setelah di'klik' pada butang "Hantar Permohonan", skrin secara automatik akan tertera "**Terima Kasih Kerana Memohon Pinjaman Pendidikan PTPTN. Permohonan anda telah berjaya dihantar. Sebarang perubahan boleh dibuat sebelum tarikh tutup permohonan. Sila semak status permohonan anda di Menu Status Permohonan**".*

*"Menu Status Permohonan" boleh didapati disebelah kiri skrin. Pada Menu ini, akan tertera "**STATUS: Permohonan Pinjaman anda telah diterima dan semakan status permohonan boleh dibuat selepas 3 hari bekerja daripada tarikh tutup permohonan**". Untuk maklumat lanjut berkenaan tarikh tutup permohonan, sila layari Laman Web PTPTN di <http://www.ptptn.gov.my>.*

Selain itu, skrin juga akan tertera No. Permohonan Pinjaman dan Tarikh Hantar Permohonan. Pemohon adalah dinasihatkan untuk mencetak muka ini sebagai rujukan status permohonan kelak.

14 **LULUS PERMOHONAN DAN DITERIMA PELAJAR**

Apakah seterusnya yang patut saya lakukan sekiranya permohonan saya telah diluluskan? Dan apakah dokumen sokongan yang diperlukan PTPTN?

*Setelah permohonan diluluskan, anda perlu menjawab sama ada **Menerima** atau **Menolak** tawaran tersebut. Sekiranya pemohon menerima, pemohon hendaklah:-*

- I) Mencetak dokumen berikut pada Laman Web Pinjaman online di alamat <http://epinjaman.ptptn.gov.my>.

Untuk cetakan, pastikan komputer anda mempunyai program 'Adobe Acrobat Reader'. Jika tidak, muat turun program tersebut daripada laman web <http://www.adobe.com/products/acrobat/> dan klik pada ikon 'Get ADOBE READER'. Simpan dan 'Install' di komputer anda.

Dokumen-dokumen yang tersenarai dibawah hendaklah dicetak dengan menggunakan **kertas berwarna putih yang bersaiz A4 (80 gsm) dengan menggunakan satu muka kertas untuk setiap satu (cetakan tidak dilakukan pada muka depan dan belakang di helaian yang sama). Dakwat cetakan hendaklah berwarna hitam.]**

- (i) 1 set (cetakan komputer) dan 1 set salinan (fotostat) **Surat Tawaran Pinjaman (beserta Surat Akuan Penerimaan, Surat Kebenaran 1, 2, 3, dan 4** dan seterusnya menandatangani dokumen berkenaan**;
- (ii) 1 set (cetakan komputer) dan 1 set salinan (fotostat) dokumen **Perjanjian Pinjaman** dan seterusnya menandatangani dokumen berkenaan**;
- (iii) 1 set (cetakan komputer) dan 1 set salinan (fotostat) **Surat Jaminan Pinjaman** dan seterusnya menandatangani dokumen berkenaan**;
- (iv) 2 keping setem hasil yang bernilai RM10.00 setiap satu**. Bagi setiap Perjanjian Pinjaman Pendidikan yang telah disempurnakan, hendaklah dilekatkan setem berharga RM10.00 di sudut kanan atas pada muka depan setiap set dokumen perjanjian. **(RUJUK LAMPIRAN A).**

Nota**

Setiap satu set adalah untuk **Pemohon dan PTPTN**. Namun, sekiranya pihak Penjamin memerlukan 1 set, Penjamin harus mengemukakan surat rasmi dan dihantar ke alamat seperti dibawah :-

PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL
Lot G2, Tingkat Bawah
Wisma Chase Perdana
Off Jalan Semantan
Damansara Heights
50490 Kuala Lumpur.
U/P: Unit Perjanjian

II) Setiap permohonan mestilah dilampirkan bersama SATU SALINAN dokumen sokongan yang telah DISAHKAN seperti berikut:

- i) Kad Pengenalan pemohon; (muka hadapan dan belakang dibuat salinan pada muka surat yang sama)
- ii) Surat Tawaran dari IPT:
- iii) Sijil SPM (salinan transkrip keputusan peperiksaan SPM hanya diterima jika tidak melebihi tempoh DUA TAHUN dari tahun peperiksaan kepada tahun pinjaman PTPTN dibuat);
- iv) Sijil kelayakan masuk lain (contoh: STPM/Diploma/Matrikulasi/Ijazah Sarjana(Master) (surat pengesahan tamat pengajian dari IPT perlu disertakan jika pemohon belum menerima sijil dan tiada pengesahan tamat pada transkrip peperiksaan);
- v) Buku/Penyata nombor akaun persendirian mengikut bank yang telah ditetapkan oleh IPT masing-masing;
- vi) Slip Gaji atau Kad Pesara Kerajaan atau Borang Pengesahan Pendapatan (EA/EC) atau Borang Pengesahan Pendapatan Ibu Bapa/Penjaga dan Pasangan Penjaga/Pemohon dan Pasangan;
- vii) Salinan Kad Pengenalan ibu dan bapa kandung;
- viii) Sijil Kematian sekiranya ibu atau bapa kandung meninggal dunia atau Akuan Sumpah sekiranya ibu bapa kandung tidak dapat dikesan;
- ix) Surat Pengesahan/Surat Akuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat/Pusat Zakat, sekiranya pemohon/ibu/bapa/penjaga merupakan penerima bantuan bulanan dari agensi berkenaan; dan
- x) Kad keahlian SSPN/slip deposit SSPN/penyata akaun SSPN dari laman web PTPTN.

Bagi pelajar yang mengemukakan permohonan pada semester 2 dan ke atas, tambahan dokumen sokongan berikut diperlukan:

- i) Surat Pengesahan masih belajar dari IPT; dan
- ii) Salinan keputusan peperiksaan setiap semester sebelumnya.

(Setiap dokumen sokongan hendaklah difotostat dengan menggunakan kertas bersaiz A4 dan disahkan oleh pegawai yang layak).

15 LULUS PERMOHONAN DAN DITOLAK PELAJAR

Bolehkan saya menolak pinjaman PTPTN sekiranya pinjaman saya tersebut telah diluluskan?

Ya, pemohon boleh menolak tawaran dengan melayari Laman Web Pinjaman online di alamat <http://epinjaman.ptptn.gov.my>.

Pemohon dikehendaki mengisi No Kad Pengenalan Baru ATAU No Kad Pengenalan Polis ATAU No Kad Pengenalan Tentera dan Kata Laluan. Seterusnya, pemohon dikehendaki klik butang menu "Status Permohonan" yang terletak di sebelah kiri skrin. Skrin kemudiannya akan memaparkan status permohonan pinjaman yang ditawarkan, amaun pinjaman yang diluluskan dan butang "Papar Surat Tawaran", "Terima Tawaran" dan "Tolak Tawaran".

Pemohon boleh menolak permohonan dengan klik pada butang "Tolak Tawaran".

16 PERMOHONAN DITOLAK PTPTN

Sekiranya permohonan saya ditolak, bagaimanakah caranya untuk saya membuat penyemakan? Bolehkah saya memohon kembali?

Pemohon boleh menyemak dengan melayari Laman Web Pinjaman online di alamat <http://epinjaman.ptptn.gov.my>.

Pemohon dikehendaki mengisi no Kad Pengenalan Baru ATAU No Kad Pengenalan Polis ATAU No Kad Pengenalan Tentera dan Kata Laluan. Seterusnya, pemohon dikehendaki klik butang menu "Status Permohonan" yang terletak di sebelah kiri skrin. Skrin kemudiannya akan memaparkan status permohonan pinjaman yang telah ditolak serta butang "Lihat Surat Penolakan".

Sebab-sebab penolakan ada tersenarai pada Surat Penolakan ini.

Sekiranya pemohon ingin memohon kembali, pemohon boleh klik pada butang "Permohonan Semula" yang juga terletak di sebelah kiri skrin. Sila maklum bahawa pelajar yang ingin membuat permohonan semula, permohonan yang dibuat sebelum ini akan terbatal.

17 DOKUMEN PENGESAHAN

Siapakah yang layak untuk mengesahkan dokumen-dokumen yang diperlukan oleh PTPTN (Certified True Copy)?

Salinan dokumen sokongan hendaklah dibuat menggunakan kertas bersaiz A4 dan disahkan.

Pemohon boleh mendapatkan pengesahan dokumen sokongan (Certified True Copy) daripada:-

- a. Wakil Rakyat;
- b. Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional;
- c. Pengamal Undang-Undang;
- d. Pesuruhjaya Sumpah;
- e. Jaksa Pendamai;
- f. Pengetua;
- g. Guru Besar Sekolah (Sekolah Kerajaan Sahaja);
- h. Pegawai Polis berpangkat ASP ke atas;
- i. Pegawai Tentera berpangkat Kapten atau setaraf dan ke atas;
- j. Penghulu;
- k. Ketua Kampung;
- l. Penggawa;
- m. Tuai Rumah;
- n. Ketua Kaum;
- o. Mukim yang bertauliah.

18 **BAYARAN OLEH PTPTN (DISBURSEMENT)**

Setelah dokumen yang lengkap diserahkan kepada pihak PTPTN, berapa lamakah masa yang diambil untuk pembayaran yang pertama?

Seandainya segala dokumen yang diperlukan telah lengkap, pembayaran yang pertama akan dilakukan dalam tempoh 7 hari dari tarikh penerimaan dokumen. Pembayaran yang telah diluluskan akan dikreditkan terus ke dalam Akaun Bank Pelajar.

19 **PEMBIAYAAN PINJAMAN**

Bagaimanakah pembiayaan diberikan kepada pemohon?

Pembiayaan diberikan kepada pemohon dengan cara:-

- i) Dikreditkan terus ke akaun bank pelajar;
- ii) Pengeluaran pinjaman kali pertama hanya dibuat setelah perjanjian yang sempurna diterima oleh PTPTN; dan
- iii) Bagi bayaran berikutnya, pembayaran akan dibuat setelah PTPTN menerima pengesahan daripada IPT masing-masing bahawa pelajar berjaya meneruskan pengajian dan memperolehi keputusan GPA 2.0 dan ke atas.

20 **JUMLAH PINJAMAN**

Bagaimanakah untuk saya mengetahui jumlah pinjaman yang akan saya terima untuk kursus yang saya ambil?

Pemberian jumlah pinjaman adalah berbeza mengikut jenis institusi, peringkat pengajian dan jurusan yang diikuti oleh pelajar serta pendapatan bersih ibu bapa/penjaga pelajar. Untuk penerangan lanjut, sila layari Laman Web PTPTN di <http://www.ptptn.gov.my>.

21 **PEMBETULAN MAKLUMAT**

Bolehkah saya membuat pembetulan maklumat permohonan setelah klik "Hantar Permohonan"?

*Ya. Pemohon boleh membuat pembetulan maklumat walaupun pemohon telah menghantar permohonan. Namun, setelah membuat perubahan, pemohon dikehendaki klik butang "**simpan**" dan "**seterusnya**" di setiap mukasurat dan menghantar sekali lagi permohonan. Sekiranya pemohon tidak menghantar semula permohonan, ianya akan dikira sebagai TIDAK menghantar permohonan.*

Andainya pemohon login hanya untuk "view" (tidak membuat sebarang perubahan) tetapi klik pada butang "seterusnya", ianya akan dikira sebagai pengemaskinian data dan oleh itu, pemohon dikehendaki menghantar semula permohonan.

Sila maklum bahawa **No Permohonan** akan **sama** walaupun dihantar beberapa kali.

Sebarang pembetulan data hanya boleh dilakukan **sebelum tarikh tutup permohonan**. Untuk maklumat lanjut berkenaan tarikh tutup permohonan bagi setiap IPT, sila layari Laman Web PTPTN di <http://www.ptptn.gov.my>.

22 **TERLUPA KATA LALUAN**

Sekiranya saya terlupa Kata Laluan yang didaftarkan, bagaimanakah caranya untuk saya dapatkan kembali Kata Laluan tersebut?

Untuk mendapatkan kembali Kata Laluan, pemohon hendaklah klik pada "Terlupa Kata Laluan" yang terdapat di muka depan Permohonan online, iaitu di skrin Login.

Pemohon diminta untuk memasukkan No Kad Pengenalan Baru ATAU Kad Pengenalan Polis ATAU Kad Pengenalan Tentera dan klik pada butang "Dapatkan Kata Laluan". Kata Laluan Sementara akan diemelkan kepada pemohon sejurus selepas itu melalui alamat emel yang didaftarkan. [Sila semak Kata Laluan Sementara melalui emel (dibahagian 'Inbox' atau 'Bulk' atau 'Spam'), dari semasa ke semasa].

Selepas penerimaan Kata Laluan Sementara melalui emel, pemohon harus:-

- a) Memasukkan Kata Laluan Sementara yang diterima melalui emel pada ruangan "Kata Laluan Lama" ;
- b) Memasukkan Kata Laluan Baru (pilihan sendiri);

- c) Masukkan kembali Kata Laluan Baru untuk kepastian; dan
d) Klik "Kembali Ke Skrin Login".

Selepas ini dilakukan, pemohon boleh kembali login menggunakan Kata Laluan Baru.

23 PENUKARAN KATA LALUAN

Bolehkan saya menukar Kata Laluan dan bagaimanakah caranya untuk saya menukarnya?

Ya. Pemohon boleh menukar Kata Laluan melalui Menu Tukar Kata Laluan yang terdapat di sebelah kiri skrin.

Pemohon dikehendaki mengisi No Kad Pengenalan Baru ATAU No Kad Pengenalan Tentera ATAU No Kad Pengenalan Polis (sepertimana yang telah didaftarkan), Kata Laluan Lama dan Kata Laluan Baru pemohon.

Selepas ini dilakukan, pemohon akan mendapat Kata Laluan yang baru melalui alamat emel yang telah didaftarkan. Sejurus selepas memperolehi Kata Laluan baru, pemohon dikehendaki menukar semula Kata Laluan kepada Kata Laluan baru yang lain.

24 GAGAL MELAYARI LAMAN WEB PINJAMAN ONLINE DI ALAMAT <http://epinjaman.ptptn.gov.my>

Saya cuba melayari Laman Web Pinjaman online di alamat <http://epinjaman.ptptn.gov.my>, tetapi gagal. Ianya tertera "page cannot be found".

Pemohon dikehendaki klik pada butang "Tools" dan kemudiannya ke "Internet Options". Pemohon kemudiannya harus klik pada butang "Delete Cookies" dan klik "ok" serta butang "Delete Files" dan klik "ok".

Pemohon kemudian boleh melayari Laman Web Pinjaman online di alamat <http://epinjaman.ptptn.gov.my> semula.

25 MASA UNTUK PERMOHONAN ONLINE

Adakah pihak PTPTN menetapkan masa dan waktu untuk permohonan online ini dijalankan?

Ya. Masa dan waktu untuk permohonan secara online adalah ditetapkan dari jam **7 pagi hingga 1 pagi** setiap hari. Selepas masa yang ditetapkan tersebut, sistem kami akan ditutup buat sementara waktu bagi menyiapkan kerja-kerja pemprosesan secara kelompok dan penyelenggaraan sistem.

26 MASA YANG KURANG SIBUK(NON- PEAK) UNTUK LOGIN KE LAMAN WEB

Saya sering cuba untuk login ke laman web <http://epinjaman.ptptn.gov.my> tetapi tidak berjaya. Ianya selalu tertera RALAT.

Mengikut statistik kami, masa yang paling sibuk untuk melayari laman web <http://epinjaman.ptptn.gov.my> adalah mulai jam 10.30 pagi hingga 5.30 petang dan 9 malam hingga 11 malam setiap hari. Pemohon adalah digalakkan untuk tidak melayari laman web <http://epinjaman.ptptn.gov.my> pada masa-masa ini kerana sistem mempunyai tahap maksima untuk permohonan dilakukan dalam sesuatu masa. Sekiranya ianya melebihi tahap maksima yang ditetapkan dalam sesuatu masa, maka mesej "RALAT" akan keluar.

27 SSPN

Apakah itu SSPN?

SSPN ialah Skim Simpanan Pendidikan Nasional dan ianya adalah merupakan satu skim atau instrumen simpanan yang direka khas oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) bagi tujuan pendidikan tinggi.

28 Saya belum membuka akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN). Adakah saya layak memohon pinjaman PTPTN?

Anda tidak layak memohon pinjaman PTPTN kerana mulai 1 Januari 2008, setiap pemohon pinjaman mestilah terdiri daripada pendeposit / penerima manfaat akaun SSPN sahaja.

Di samping itu, mana-mana pelajar yang berhasrat memohon pinjaman PTPTN hendaklah membuka akaun SSPN selewat-lewatnya dua (2) minggu sebelum tarikh sesi permohonan dilakukan di IPT masing-masing. Sekiranya pelajar tidak mematuhi peraturan had tempoh tersebut, permohonan pinjaman akan ditolak dan pelajar perlu mengemukakan permohonan semula pada sesi kelompok berikutnya.

29 **PEMBERHENTIAN PENGELUARAN PINJAMAN**

Apakah yang boleh menyebabkan terhentinya pengeluaran pinjaman PTPTN kepada pelajar?

Pengeluaran pinjaman akan diberhentikan pada semester tertentu atas sebab-sebab berikut:

- i) Pelajar mendapat keputusan peperiksaan kurang daripada GPA 2.0.*
- ii) Pelajar menangguhkan pengajian*

30 **PENAMATAN PINJAMAN**

Sekiranya saya gagal dan tidak meneruskan pengajian, apakah akan berlaku kepada pinjaman PTPTN dan bagaimanakah caranya untuk saya membuat pembayaran balik sekiranya saya tidak mampu ?

Pemberhentian bayaran pinjaman akan dibuat apabila pelajar gagal meneruskan pengajian dalam peringkat jurusan atau IPT yang ditetapkan semasa permohonan pinjaman. Pelajar dikehendaki membayar balik wang yang telah diperolehi daripada PTPTN sepanjang tempoh pengajian yang telah diikuti sebagaimana yang ditetapkan dalam perjanjian. Rayuan untuk menangguhkan bayaran atau penjadualan semula hendaklah dikemukakan kepada PTPTN sekiranya tidak mampu membayar balik semua wang yang telah dipinjam.

PTPTN-P-03/1-2004 Pin.3

PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL
PERJANJIAN PINJAMAN PENDIDIKAN



1. PERJANJIAN INI dibuat pada haribulan dan tahun seperti yang dinyatakan di dalam Bahagian I Jadual Pinjaman ANTARA Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional suatu pertubuhan perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 (kemudian daripada ini disebut "PERBADANAN") sebagai pihak pertama DENGAN pelajar seperti yang dinyatakan di dalam Bahagian II Jadual Pinjaman yang beralamat seperti yang dinyatakan di dalam Bahagian III Jadual Pinjaman (kemudian daripada ini disebut "PELAJAR") sebagai pihak kedua .

2. Sebagai balasan bagi perkara-perkara yang tersebut di dalam Lampiran Perjanjian Pinjaman Pendidikan, PERBADANAN dengan ini bersetuju untuk meminjamkan kepada PELAJAR wang berjumlah seperti yang dinyatakan di dalam Bahagian IV Jadual Pinjaman (kemudian daripada ini disebut "Jumlah Tersebut") yang akan dibayar secara berperingkat seperti yang dinyatakan dalam Fasal 3 Lampiran Perjanjian ini untuk sepanjang tempoh kursus pengajian. Jumlah Tersebut akan dibayar oleh PERBADANAN terus kepada akaun bank PELAJAR, yang disahkan oleh PELAJAR bermombor seperti yang dinyatakan di dalam Bahagian V Jadual Pinjaman atau lain-lain cara yang diputuskan lebih sesuai oleh PERBADANAN dari semasa ke semasa.

3. Adalah dengan ini dipersetujui dan diakui bahawa Surat Tawaran Pinjaman Pendidikan seperti yang dinyatakan di dalam Bahagian VI Jadual Pinjaman dan apa-apa tambahan atau pindaan kepadanya, lampiran dan apa-apa Pekeliling Rasmi PERBADANAN yang dikeluarkan oleh PERBADANAN dari semasa ke semasa melalui apa-apa cara sekali pun hendaklah dibaca bersama dan menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini.

JADUAL PINJAMAN		
BAHAGIAN	PERKARA	BUTIR-BUTIR
i)	Tarikh Perjanjian	Pada <u>20</u>Haribulan <u>12</u> Tahun <u>2005</u>
ii)	Nama PELAJAR	Nama : <u>AZHAR BIN YUSOFF</u> No. Kad Pengenalan: <u>780705-13-6547</u>
iii)	Alamat PELAJAR	<u>NO.6 JALAN 1/12, TAMAN PUNCAK UTAMA</u> <u>43000 KAJANG</u> <u>SELANGOR</u>
IV)	Jumlah Pinjaman Keseluruhan	RM. <u>23,500.00</u>
V)	No. Akaun Bank	<u>123456789101112</u>
VI)	No. Surat Tawaran	<u>PTPTN/SPP/1/2005/11B/00628637</u>